



فقه الصلاة

FIQH SOLAT

Menyempurnakan Peribadi Muslim

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

فقه الصلاة

FIQH SOLAT

Menyempurnakan Peribadi Muslim

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



فقه الصلاة

8/2/2024
TDM
Foc

FIQH SOLAT

Menyempurnakan Peribadi Muslim

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN **IV**

KATA PENERBIT **VIII**

MUQADDIMAH **1**

BAHAGIAN 1: KEDUDUKAN, SEJARAH, HUKUM, DAN FADILAT SEMBAHYANG **9**

Kedudukan Sembahyang Dalam Agama Islam 10

Falsafah Dan Sejarah Sembahyang 13

Fadilat Sembahyang 23

Kedudukan Sembahyang Dalam
Kehidupan Individu Dan Masyarakat 29

Kesan Dan Hukum Meninggalkan Sembahyang 41

Keburukan Dan Balasan Terhadap Mereka Yang
Sengaja Meninggalkan Sembahyang 49

BAHAGIAN 2: LAUNGAN AZAN, IQAMAT, DAN SOLAT BERJEMAAH **57**

Pelaksanaan Azan Dan Iqamat 58

Sembahyang Berjemaah 66

Syarat Dan Cara Sembahyang Berjemaah 80

Permasalahan Muwafiq Dan Masbuq 104

فقه الصلاة

FIQH SOLAT

Menyempurnakan Peribadi Muslim

PUSTAKA PERDANA



1013531

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD

.....

**© FIQH SOLAT
MENYEMPURNAKAN
PERIBADI MUSLIM**

Tuan Guru Haji Abdul Hadī Awang
Cetakan Pertama, November 2023

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka
Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-2739-35-7

*Muka Taip Teks: Cambria
Saiz Muka Taip: 11*

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
D-04-02, Cybersquare,
Jalan Teknorat 6, Cyber 5,
63000 Cyberjaya, Selangor
011-20907008

Dicetak oleh:
Percetakan Adab Sdn. Bhd.
No 4, Jalan PBS 14/1A,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
03-89458688
adabprint@gmail.com

297.38

A44



SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

YB Dr. Muhammad Khalil Abdul
YB Mohd Syahir Che Sulaiman
Tuan Haji Mohd Adram Musa

PENGARAH URUSAN

Abdul Malik Ab Razak

PENGURUS OPERASI

Muhammad Afiq Awang Bakar

PENGURUS PENTADBIRAN

Siti Nurul Afiqah Sazali

KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN EDITORIAL

Maziah Hasan

Muhaimin Safaruddin

Mohamad Afiq Faiz Mohamad Sa

JABATAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

JABATAN PEMASARAN

Alfian Choiri Akma

**JABATAN JUALAN & HUBUNGAN
PELANGGAN**

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salaf

REKA LETAK & ATUR HURUF

Aqilah Farhana Azahari

BAHAGIAN 3: SYARAT DAN RUKUN SEMBAHYANG 113

Sifat-Sifat Sembahyang	114
Syarat-Syarat Wajib Sembahyang	117
Syarat-Syarat Sah Sembahyang	127
Rukun-Rukun Sembahyang	145
Perbezaan Amalan Antara Lelaki Dengan Perempuan Ketika Sembahyang	179

BAHAGIAN 4: PERKARA SUNAT, MAKRUH, DAN MEMBATALKAN SEMBAHYANG 181

Pengenalan	182
Perkara-Perkara Sunat Ketika Sembahyang	185
Perkara-Perkara Makruh Ketika Sembahyang	239
Perkara-Perkara Yang Membatalkan Sembahyang	243
Waktu-Waktu Yang Dilarang Menunaikan Sembahyang	255

BAHAGIAN 5: SEMBAHYANG GOLONGAN YANG DIBERIKAN KEUZURAN 259

Solat Musafir	260
Sembahyang Qasar	261
Hukum Berjemaah Kepada Musafir	272
Sembahyang Jamak	276
Sembahyang Di Atas Kenderaan Darat, Laut, Dan Udara	282
Tempoh Rukhsah Bagi Musafir Yang Berhenti	286
Sujud Sahwi	289
Solat Khauf	290

BAHAGIAN 6: SEMBAHYANG TATAWU'**297**

Pengenalan	298
Sembahyang Rawatib	300
Sembahyang Tahiyah Al-Masjid	305
Sembahyang Witir	307
Sembahyang Malam (Tahajud)	312
Sembahyang Tarawih	320
Sembahyang Duha	326
Sembahyang Istikharah	330
Sembahyang Hajat	334
Sembahyang Tasbih	335
Sembahyang Dua Hari Raya	338
Sembahyang Gerhana	349
Sembahyang Istisqa'	352

BAHAGIAN 7: SEMBAHYANG JUMAAT**357**

Pengenalan	358
Syarat Wajib Sembahyang Jumaat	364
Syarat Sah Sembahyang Jumaat	368
Rukun Jumaat	372
Sembahyang Rawatib Jumaat	379
Hari Raya Pada Hari Jumaat	381
Mengambil Peluang Fadilat Hari Jumaat	383


**BAHAGIAN 8: ZIKIR DAN DOA SELEPAS
SEMBAHYANG LIMA WAKTU**

393

Zikir Dan Doa Selepas Sembahyang Lima Waktu 394

RUJUKAN 401

BIODATA PENULIS 410



KATA PENERBIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan puja hanya selayaknya bagi Allah 'Azza wa Jalla, Tuhan Pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang mulia, juga ke atas ahli keluarga Baginda, para sahabat Baginda, serta sesiapa sahaja yang mengikuti jejak langkah Baginda hingga Hari Perhitungan.

Menyedari akan besarnya tanggungjawab sebagai penerbit rasmi yang memasarkan karya-karya seorang tokoh ulama' negarawan, alhamdulillah, kami Pustaka Permata Ummah sungguh berbesar hati dapat menerbitkan semula kitab ini dalam persembahan yang lebih segar, tuntas, dan mutakhir dengan izin Allah SWT.

Fiqh Solat: Menyempurnakan Peribadi Muslim
(judul asal: *Fiqh Solat bagi Memahami Ibadat Sembahyang*) merupakan senaskhah lagi karya bertemakan syariat solat oleh Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Naskhah ini pertama kali diterbitkan oleh WNS Enterprise pada tahun 2015 dalam tulisan Jawi sepenuhnya.

Isi kandungan buku ini menekankan beberapa elemen utama seperti **sejarah, fadilat, hikmah, dan kaifiat** solat berdasarkan nas yang sahih daripada al-Quran dan hadis supaya diimani, difahami, dan dihayati sebaik mungkin. Hal ini adalah penting agar **kualiti solat** kita mencapai tahap tertinggi yang terkandung daripada objektif *iqamah al-solah* (إقامة الصلاة) mendirikan sembahyang, bukan sekadar mengerjakan sahaja disebabkan merasa berat atau terpaksa, mahupun secara ikut-ikutan.

Sememangnya, sudah banyak pihak yang menerbitkan karya mengenai hukum-hakam dan panduan solat, namun sebahagiannya memerlukan kepada persembahan dan huraian yang lebih mudah difahami. Justeru, **pendekatan dalam penulisan** ini boleh disifatkan telah mengetengahkan **tiga nilai yang penting** iaitu, *Fiqh al-Taysir* (memberi kemudahan dalam masalah cabang berpandukan nas), *Fiqh al-Mazhab* (meneguhkan pegangan bermazhab dalam perkara dasar) dan *Fiqh al-'Ubudiyah* (memahami dan berusaha mencapai kualiti terbaik dalam ibadat).

Penulis **meneguhkan perbahasan** berasaskan amalan masyarakat negara ini yang bermazhab Syafi'i, di samping **menekankan keluasan pandangan mazhab yang muktabar** dalam masalah yang memerlukan panduan dan penyelesaian. Selain itu, karya ini juga dikukuhkan lagi dengan **silang rujuk dalil** daripada pelbagai jenis kitab sama ada **fiqh, fatwa, hadis dan tafsir**.

Moga-moga, penerbitan buku panduan solat ini berhasil memenuhi keperluan semasa, menyelesaikan permasalahan harian, dan menjadi rujukan utama kepada seluruh lapisan masyarakat, sama ada badan kerajaan dan swasta, mahupun tenaga pengajar dan orang awam berkenaan ibadat solat yang sangat penting lagi mustahak. Mudah-mudahan jua, Allah SWT mengganjari segala usaha dan kerja keras semua pihak yang terlibat dalam penghasilan naskhah yang amat bermanfaat ini dengan kebaikan yang berkekalan. Allahumma amin.

Selamat membaca, memahami, dan beramal!

Pustaka Permata Ummah

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، الرحمن الرحيم، ملك يوم الدين، إياك نعبد وإياك نستعين، اهدنا الصراط المستقيم، صراط الذين أنعمت عليهم غير المغضوب عليهم ولا الضالين.

شهد الله أنه لا إله إلا هو والملائكة وأولو العلم قائما بالقسط، لا إله إلا هو العزيز الحكيم. أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله وخير خلق الله وأهداهم إلى سواء السبيل، والصلاة والسلام عليه وعلى آله وأصحابه والتابعين إلى يوم الدين.

Fiqh solat (fiqh sembahyang) sangat penting dipelajari secara mendalam. Hal ini demikian kerana, ibadat solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucapkan dua kalimah syahadah, yang menjadikan seseorang itu Islam melalui pengakuan dengan lidah, kepercayaan dalam hati, serta pembuktian dengan amalan.

Selain itu, sembahyang merupakan amalan pertama yang menghubungkan antara seorang hamba dengan Tuhannya secara langsung. Betapa amalan sembahyang ini sangat berkait rapat dengan Islam, sehingga ia diibaratkan laksana hubungan anggota penting dengan jasad atau seperti kepala dengan tubuh badan. Jika dipotong kepala, maka matilah jasadnya.

Di samping itu, sembahyang juga merupakan tiang agama Islam. Apabila dibuang tiang, maka runtuhlah bangunannya. Perkara ini dinyatakan oleh sabda Rasulullah SAW:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ، وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ، وَذُرْوَةٌ سَنَامِهِ
الْجِهَادُ.

"Kepala segala urusan ialah Islam, tiangnya ialah sembahyang, dan gahnya (kekuatannya) ialah jihad."¹

Ibadat sembahyang diwajibkan oleh Allah SWT melalui perintah secara langsung kepada Rasulullah SAW pada malam Isra' dan Mi'raj, di tempat paling tinggi di alam langit yang bernama *Sidrah al-Muntaha*. Pada ketika itu, Rasulullah SAW menjadi tetamu Allah SWT yang mulia.

Hal ini membuktikan bahawa ibadat sembahyang berbeza dengan ibadat lain yang disampaikan melalui wahyu oleh Malaikat Jibril AS ke bumi. Anas bin Malik RA meriwayatkan:

فُرِضَتْ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةَ
أَسْرِي بِهِ الصَّلَوَاتُ خَمْسِينَ، ثُمَّ نُقِصَتْ حَتَّى
جُعِلَتْ خَمْسًا، ثُمَّ نُودِيَ: يَا مُحَمَّدُ، إِنَّهُ لَا يَبْدُلُ
الْقَوْلُ لَدَيَّ، وَإِنَّ لَكَ بِهَذِهِ الْخَمْسِ خَمْسِينَ.

"Diwajibkan sembahyang ke atas Nabi SAW pada malam Isra' sebanyak 50 sembahyang, kemudian dikurangkan sehingga dijadikan lima sahaja. Kemudian, Rasulullah SAW mendengar

¹ Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*, Abwab al-Iman, No. 2616, daripada Mu'az bin Jabal.

perintah, 'Wahai Muhammad! Sesungguhnya, tidak diubah lagi firman di sisi-Ku. Demi sesungguhnya, Aku kurniakan kepada-Mu lima waktu ini yang kelebihanannya menyamai 50 sembahyang.'"²

Sembahyang ialah hubungan secara langsung antara hamba dengan Tuhannya yang Maha Esa. Selain itu, sembahyang juga menjadi tanda kasih seseorang hamba kepada Tuhannya bagi menghargai ni'mat-Nya yang tidak terhingga serta menyatakan kesyukuran terhadap ni'mat itu.

Malah, sembahyang juga merupakan amalan pertama yang akan dihisab pada Hari Kiamat kelak.³ Sekiranya terdapat kekurangan dalam pelaksanaan sembahyang fardu, maka sembahyang sunat dapat menampungnya.

Oleh kerana itu, ibadat sembahyang hendaklah dipelihara dan dijaga dengan sebaik-baiknya, yakni menjaga syarat-syarat, rukun-rukun, dan adab-adabnya secara bersungguh-sungguh serta memelihara secara jasad dan roh. Inilah penghayatan solat yang wajib ditunaikan sebagaimana diajar dan dipesan oleh Rasulullah SAW:

وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي.

"Dan sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersembahyang."⁴

² Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*, Abwab al-Solah, No. 213, daripada Anas bin Malik.

³ Sabda Nabi SAW:

أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةَ.

"Sesungguhnya, amal pertama yang akan dihisab ke atas seseorang hamba pada Hari Kiamat ialah solatnya." (Ahmad, Musnad Ahmad, Musnad al-Syamiyyin, No. 16954, dan al-Tabarani, al-Mu'jam al-Awsat, No. 1859, daripada Tamim al-Dari)

⁴ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Azan, No. 631, daripada Malik bin al-Huwairith.

Adapun generasi yang terkemudian selepas kewafatan Rasulullah SAW, hendaklah mengikuti sunnah yang diriwayatkan secara sahih dan mutawatir oleh para sahabat RA dan para ulama' yang muktabar dengan sanad yang sahih. Sembahyang juga menjadi wasiat terakhir Rasulullah SAW yang disebutkan sewaktu Baginda dalam keadaan nazak, sebagaimana sabdanya:

الصَّلَاةُ الصَّلَاةُ، وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ.

"Peliharalah kewajipan sembahyang, peliharalah kewajipan sembahyang, dan jagalah kewajipan terhadap hamba-hamba sahaya yang kamu miliki."⁵

Saya menulis risalah ini sambil merujuk kepada kitab-kitab yang muktabar untuk menjadi pengajian kepada umat Islam dalam bahasa Melayu dengan gaya bahasa dan *uslub* (cara penyampaian) yang mudah difahami.

Hal ini demikian kerana, apa yang penting ialah kita menunaikan ibadat dengan ilmu yang sahih daripada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Ia hendaklah ditunaikan dengan penuh keikhlasan, di samping berharap dengan penuh keyakinan akan penerimaannya di sisi Allah SWT yang Maha Penyayang terhadap hamba-hamba-Nya.

Maka, berusahalah bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kerediaan Allah SWT dengan melaksanakan ibadat sembahyang. Pada masa yang sama, berusaha menjadi hamba yang mencintai Allah SWT dan Rasulullah SAW secara *ta'abbud* (penghambaan), ikhlas, dan khusyuk di hadapan-Nya. Mudah-mudahan, kita menjadi pengikut Rasulullah SAW yang setia kepada ajarannya.

⁵ Ahmad, *Musnad Ahmad*, Musnad al-Nisa', No. 26483, daripada Ummu Salamah.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ
لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

“Katakanlah (wahai Muhammad), jika benar kamu mencintai Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Pengasih.”

Surah Ali ‘Imran: 31

Risalah yang disusun ini cuba memberikan huraian berkenaan ibadat sembahyang yang mulia dari aspek sejarah, fadilat, hikmah, dan kaifiat supaya diimani dan dihayati dengan penuh ikhlas serta bersemangat. Mudah-mudahan, sembahyang yang ditunaikan dapat mencapai tahap sebenar yang dimaksudkan dengan إقامة الصلاة (mendirikan sembahyang), bukan hanya sekadar mengerjakannya secara spontan dan ikutan.

Akhirnya, sembahyang yang ditunaikan itu diharapkan akan mendapat kurniaan daripada Allah SWT, keampunan, dan keredaan-Nya. Oleh sebab itu, ibadat yang mulia ini perlu ditunaikan dengan ilmu yang benar, bukannya secara jahil ataupun warisan ibu bapa dan nenek moyang secara pusaka sahaja. Ketahuilah bahawa pewaris sebenar pusaka ilmu Islam daripada Rasulullah SAW ialah para ulama’. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ.

“Sesungguhnya, ulama’ itu ialah waris yang menerima pusaka para anbiya.”⁶

⁶ Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*, Abwab al-‘Ilm, No. 2682, daripada Abu al-Darda’.

Oleh itu, sesuatu ilmu perlulah diambil daripada sumbernya secara amanah, belajar dengan menghadap guru, dan melalui kitab yang muktabar. Maka, jangan sekali-kali menerima ilmu daripada sumber yang lain kerana ibadat ini sangat penting bagi setiap Muslim dan Allah mestilah disembah dengan cara yang betul dan sah.

Huraian dalam buku ini bukan sahaja mengikuti pandangan mazhab Imam al-Syafi'i RH, tetapi juga dinukilkan pendapat dan hujah daripada mazhab-mazhab yang lain. Hal ini demikian kerana, Imam al-Syafi'i RH sendiri mewasiatkan supaya mencari hujah-hujah yang kuat dan sah walaupun bukan daripada mazhabnya.⁷

Imam al-Syafi'i RH juga berguru daripada Imam Malik bin Anas RH (pengasas Mazhab Maliki), Imam Muhammad bin Hasan al-Syaibani RH (murid kepada Imam Abu Hanifah RH), Imam Waki' RH, dan lain-lain (mazhab-mazhab terdahulu sebelum adanya kitab-kitab yang banyak).

Adapun Imam Ahmad bin Hanbal RH, pengasas Mazhab Hanbali merupakan murid kepada Imam al-Syafi'i RH. Kitab-kitab fiqh aliran Mazhab Syafi'i mengambil pendekatan *ihtiyat* (waspada), khususnya dalam perkara ibadat telah dikarang kepada orang ramai yang tidak mampu mengkaji secara mendalam. Terdapat juga dalam kalangan ulama' Mazhab Syafi'i seperti Imam al-Nawawi RH, Imam al-Rafi'i RH, dan lain-lain yang menguatkan (*tarjih*) pendapat mazhab yang lain.

Begitu juga dalam Mazhab Hanafi, adanya para ulama' mazhab seperti Imam Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani RH, salah seorang guru Imam al-Syafi'i RH dan juga Qadi Abu

⁷ Kata Imam al-Syafi'i RH:

إِذَا صَحَّ الْحَدِيثُ فَهُوَ مَذْهَبِي.

"Jika sah sesuatu hadis itu, maka itulah mazhabku." (Tajuddin al-Subki, *Tabaqat al-Syafi'iyah al-Kubra*, Jld. 6. Hlm. 139)

Yusuf RH daripada Mazhab Hanafi mentarjihkan pendapat mazhab yang lain. Mazhab Maliki pula melahirkan para ulama' seperti al-Jassas, al-Majishun, Sahnun, dan lain-lain.

Adapun dalam Mazhab Hanbali pula, lahirnya Ibn Taimiyyah RH dan Ibn al-Qayyim RH yang memiliki pendapat berbeza daripada pandangan mazhabnya. Terdapat juga dalam kalangan mereka, kelompok yang lain setelah menemui hujah yang lebih kuat, khususnya daripada al-Quran dan al-Sunnah serta kaedah usul yang lebih kuat.

Malah, terdapat pandangan dalam Mazhab Syafi'i yang tidak kuat sandarannya dengan hujah al-Quran dan al-Sunnah kerana terdapat *ihtiyat* yang berlebihan. Akibatnya, ia menjadi bebanan yang menyusahkan, walaupun hujahnya lemah sehingga menjadi waswas daripada syaitan. Perlu difahami juga bahawa para ulama' mazhab itu berguru dan bermurid sesama mereka dengan penuh kasih sayang dan saling hormat menghormati.

Adapun mereka yang mengikat umat dengan satu pendapat ulama' secara taasub tanpa mengira hujah dan tempatnya, adalah suatu perbuatan yang salah dari segi agama Islam dan tidak menepati wasiat para imam mazhab yang muktabar. Keadaan ini berlaku disebabkan mereka mengheret kepada perbalahan yang merosakkan akhlak dan ukhuwah Islamiah dalam perkara furu' (cabang), bukannya perkara usul (asas).

Pada masa yang sama, bertalfiq (memilih *qaul* atau pandangan dalam berbagai-bagai mazhab) yang bertujuan mencari cara yang mudah daripada pelbagai mazhab untuk mempermain-mainkan ajaran agama Islam adalah diharamkan. Adapun kepada mereka yang bukan ahli ilmu dibenarkan untuk bertaqlid dengan mazhabnya kerana kejahilannya yang dimaafkan.

Walau bagaimanapun, kita diperintahkan supaya mencari ilmu semampunya melalui sumber dalam مطولات (kitab-kitab yang besar) dalam bahasa Arab yang kaya dengan ilmu, bukan dengan satu atau dua kitab sahaja. Hal ini demikian kerana, satu-satunya kitab yang terpelihara daripada kesilapan hanyalah al-Quran al-Karim.

Saya mengharapkan sumbangan ilmu yang ringkas ini dapat memberikan manfaat yang berpanjangan kepada para pembaca dan pengajarnya. Tidak dilupakan juga kepada penulis buku ini, para guru, ibu bapa, seluruh ahli keluarga, dan teman-teman seperjuangan.

Segala yang baik dan betul itu ialah kurniaan daripada Allah SWT. Maka, dilafazkan alhamdulillah bagi menandakan kesyukuran. Mudah-mudahan, Allah SWT menambahkan lagi ni'mat-Nya kerana menerima pernyataan kesyukuran.

Sekiranya berlaku sebarang kesilapan, maka kepada Allah SWT jua dipohon keampunan. Diharapkan sesiapa yang menemui kesilapan tersebut dapat membuat pembetulan. Mudah-mudahan, kita semua sentiasa berada di bawah limpah kurnia dan rahmat serta keampunan Allah SWT di dunia dan akhirat. Amin.

ABDUL HADI AWANG

Kampung Rusila, Marang,
Terengganu.

BAHAGIAN 1

KEDUDUKAN, SEJARAH, HUKUM, DAN FADILAT SEMBAHYANG

KEDUDUKAN SEMBAHYANG DALAM AGAMA ISLAM

Telah dinyatakan bahawa ibadat sembahyang menjadi rukun penting dalam Islam selepas mengucapkan dua kalimah syahadah bagi mengakui diri seseorang itu sebagai Muslim. Oleh itu, kedudukan sembahyang mempunyai suatu kedudukan yang sangat diberikan perhatian dan keutamaan berbanding ibadat-ibadat yang lain.

Antaranya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang berikut:

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ لَوْ فَتَيْتَهَا، وَبِرُّ الْوَالِدَيْنِ، ثُمَّ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

Daripada Ibn Mas'ud RA, bahawa seorang lelaki bertanyakan Rasulullah SAW, "Apakah amalan yang lebih afdal?" Sabda Baginda, "Sembahyang pada waktunya, berlaku baik terhadap kedua-dua ibu bapa, kemudian berjihad menegakkan Islam pada jalan Allah."⁸

Hadis di atas menunjukkan bahawa sembahyang fardu yang ditunaikan dalam waktunya adalah antara amalan yang paling besar kelebihannya dan banyak pahalanya di sisi Allah SWT. Apabila baik hubungan

⁸ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Tawhid, No. 7534, daripada Ibn Mas'ud.

seseorang dengan Allah SWT, diikuti pula dengan akhlak yang baik terhadap orang lain, khususnya kedua-dua ibu bapa akan menjadikan seseorang itu cinta akan agama dan melaksanakan jihad bagi menegakkan agama Allah SWT.

Seterusnya, hadis Rasulullah SAW:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ؛ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

Daripada Ibn 'Umar RA, katanya: Rasulullah SAW telah bersabda, "Agama Islam itu dibina di atas lima rukun iaitu; bersaksi bahawa tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu Rasulullah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan haji, dan berpuasa pada bulan Ramadan."⁹

Hadis ini menunjukkan bahawa sembahyang ialah rukun Islam yang kedua selepas mengucapkan dua kalimah syahadah yang menjadi asas kepada iman, Islam, dan akhlak. Semua itu merupakan keseluruhan ajaran Islam yang wajib dipercayai dengan pengakuan.

Dan seterusnya hadis Rasulullah SAW lagi:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ، حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا

⁹ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Iman, No. 8, daripada Ibn 'Umar.

الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي
دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالَهُمْ، إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ، وَحِسَابُهُمْ عَلَى
اللَّهِ.

*Daripada Ibn 'Umar RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehinggalah mereka mengakui bahawa tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu Rasulullah, sampai mereka mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat. Maka, apabila mereka telah melakukan perkara itu, terpeliharalah daripada tindakanku ke atas darah dan harta mereka melainkan dengan hak (perintah yang lain) daripada ajaran Islam dan terpulanglah hisab mereka kepada Allah."*¹⁰

Hadis ini pula menunjukkan bahawa mendirikan sembahyang menjadi kayu ukur Islam yang sangat besar bagi seseorang, sehinggakan tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya pada masa berlakunya peperangan terhadap seseorang yang sedang bersembahyang. Keadaan tersebut membuktikan bahawa seseorang yang bersembahyang itu bukan daripada kalangan musuh atau penjenayah yang boleh diambil tindakan sewenang-wenang terhadapnya.

¹⁰ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Iman, No. 25, daripada Ibn 'Umar.

FALSAFAH DAN SEJARAH SEMBAHYANG

Perkataan solat (sembahyang) dari segi bahasa Arab ialah doa¹¹; iaitu memohon kepada Allah SWT segala jenis permintaan. Adapun maknanya dari sudut istilah syarak pula ialah bacaan dan perbuatan tertentu yang dimulakan dengan takbir dan diakhiri dengan salam.¹² Terkandung dalam ibadat sembahyang perbuatan memuji, memuja, bertasbih, dan berdoa ketika menghadap Allah SWT.

Sejarah turunnya perintah yang mewajibkan ibadat sembahyang telah diriwayatkan oleh hadis Rasulullah SAW ketika berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj. Baginda SAW bersabda:

فَلَمَّا غَشِيَهَا مِنْ أَمْرِ اللَّهِ مَا غَشِيَ تَغَيَّرَتْ، فَمَا أَحَدٌ مِنْ خَلْقِ اللَّهِ يَسْتَطِيعُ أَنْ يَنْعَتَهَا مِنْ حُسْنِهَا، فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيَّ مَا أَوْحَى، فَفَرَضَ عَلَيَّ خَمْسِينَ صَلَاةً فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَتَزَلْتُ إِلَى مُوسَى صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: مَا فَرَضَ رَبُّكَ عَلَيَّ أُمَّتِكَ؟ قُلْتُ: خَمْسِينَ صَلَاةً. قَالَ: ارْجِعْ إِلَى رَبِّكَ، فَاسْأَلْهُ التَّخْفِيفَ، فَإِنَّ أُمَّتَكَ لَا يُطِيقُونَ ذَلِكَ، فَإِنِّي قَدْ بَلَوْتُ بَنِي إِسْرَائِيلَ، وَخَبَّرْتُهُمْ.

¹¹ Ibn Faris, *Mujmal al-Lughah*, Hlm. 538.

¹² Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Jld. 1, Hlm. 90.

Ketika aku merayau-rayau meninjau kejadian Allah SWT, aku dapati kesemuanya aneh-aneh. Tiada satu pun daripada makhluk Allah yang mampu menggambarkan keindahannya. Lalu Allah SWT memberikan wahyu kepadaku dengan mewajibkan sembahyang lima puluh waktu sehari semalam. Tatkala aku turun dan bertemu Nabi Musa AS, dia bertanya, "Apakah yang telah difardukan oleh Tuhanmu kepada umatmu?" Aku menjawab, "Sembahyang lima puluh waktu." Nabi Musa AS berkata, "Kembalilah kepada Tuhanmu, mintalah keringanan kerana umatmu tidak akan mampu melaksanakannya. Aku pernah mencuba Bani Isra'il dan memberitahu mereka."

قَالَ: فَرَجَعْتُ إِلَىٰ رَبِّي. فَقُلْتُ: يَا رَبِّ حَقِّفْ عَلَيَّ
أُمَّتِي، فَحَطَّ عَنِّي حَمْسًا، فَرَجَعْتُ إِلَىٰ مُوسَىٰ. فَقُلْتُ:
حَطَّ عَنِّي حَمْسًا. قَالَ: إِنَّ أُمَّتَكَ لَا يُطِيقُونَ ذَلِكَ،
فَارْجِعْ إِلَىٰ رَبِّكَ، فَاسْأَلْهُ التَّخْفِيفَ.

Baginda bersabda: Aku kemudiannya kembali kepada Tuhan dan meminta, "Wahai Tuhanku! Berikanlah keringanan kepada umatku." Lalu Allah SWT mengurangkan lima waktu sembahyang daripadaku. Aku pun kembali kepada Nabi Musa AS dan berkata, "Allah telah mengurangkan lima waktu sembahyang daripadaku." Nabi Musa AS berkata, "Umatmu masih tidak mampu melaksanakannya. Kembalilah kepada Tuhanmu, mintalah keringanan lagi."

قَالَ: فَلَمْ أَزَلْ أَرْجِعُ بَيْنَ رَبِّي تَبَارَكَ وَتَعَالَى وَبَيْنَ
 مُوسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ، حَتَّى قَالَ: يَا مُحَمَّدُ، إِنَّهُنَّ
 خَمْسُ صَلَوَاتٍ كُلَّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، لِكُلِّ صَلَاةٍ عَشْرٌ،
 فَذَلِكَ خَمْسُونَ صَلَاةً، وَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا
 كُتِبَتْ لَهُ حَسَنَةٌ، فَإِنْ عَمِلَهَا كُتِبَتْ لَهُ عَشْرًا، وَمَنْ
 هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا لَمْ تُكْتَبْ شَيْئًا، فَإِنْ عَمِلَهَا
 كُتِبَتْ سَيِّئَةٌ وَاحِدَةً.

Baginda bersabda: Aku tidak henti-henti berulang-alik antara Tuhanku SWT dengan Nabi Musa AS, sehinggalah Allah SWT berfirman, "Wahai Muhammad! Sesungguhnya, aku fardukan hanyalah lima waktu sehari semalam. Setiap satu sembahyang fardu diganjarkan dengan sepuluh ganjaran. Oleh yang demikian, bererti lima sembahyang fardu adalah sama dengan lima puluh sembahyang fardu. Begitu juga, sesiapa yang berniat untuk melakukan kebaikan tetapi tidak melakukannya, nescaya dicatat baginya satu kebaikan. Jika dia melaksanakannya, maka dicatat baginya sepuluh kebaikan. Sebaliknya, sesiapa yang berniat untuk melakukan kejahatan tetapi tidak melakukannya, nescaya tidak dicatat sesuatu pun. Jika dia melaksanakannya, maka dicatat sebagai satu kejahatan."

قَالَ: فَنَزَلْتُ حَتَّىٰ انْتَهَيْتُ إِلَىٰ مُوسَىٰ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَخْبَرْتُهُ. فَقَالَ: ارْجِعْ إِلَىٰ رَبِّكَ، فَاسْأَلْهُ التَّخْفِيفَ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَقُلْتُ: قَدْ رَجَعْتُ إِلَىٰ رَبِّي حَتَّىٰ اسْتَحْيَيْتُ مِنْهُ.

Baginda bersabda: Aku pun turun sehingga sampai kepada Nabi Musa AS, lalu aku memberitahunya. Dia masih lagi berkata, "Kembalilah kepada Tuhanmu, mintalah keringanan." Aku menyahut, "Aku terlalu banyak berulang-alik kepada Tuhanku, sehingga menyebabkan aku malu kepadanya."¹³

Rasulullah SAW berpesan kepada Mu'az bin Jabal ketika menghantarnya ke Yaman melalui sabdanya:

إِنَّكَ تَقْدُمُ عَلَىٰ قَوْمٍ أَهْلِ كِتَابٍ، فَلْيَكُنْ أَوَّلَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ عِبَادَةَ اللَّهِ، فَإِذَا عَرَفُوا اللَّهَ، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمِهِمْ وَلَيْلَتِهِمْ، فَإِذَا فَعَلُوا، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ فَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً مِنْ أَمْوَالِهِمْ وَتَرُدُّ عَلَىٰ فَقْرَائِهِمْ، فَإِذَا أَطَاعُوا بِهَا، فَخُذْ مِنْهُمْ وَتَوَقَّ كَرَائِمَ أَمْوَالِ النَّاسِ.

"Sesungguhnya, kamu akan berdepan dengan golongan Ahli Kitab, maka perkara pertama yang wajib kamu ajak mereka lakukan ialah beribadat kepada Allah semata-mata. Apabila mereka telah mengenali Allah, maka

¹³ Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, No. 162, daripada Anas bin Malik.

beritahukanlah kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam. Jika mereka melakukannya, maka ajarkanlah kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka zakat yang diambil daripada harta orang-orang yang kaya daripada kalangan mereka, lalu dibahagikan kepada orang-orang yang berhajat akan pertolongan dalam kalangan mereka. Apabila mereka mentaatinya, maka ambillah harta itu daripada mereka dan janganlah sekali-kali memaksa mengambil harta yang paling baik daripada harta mereka.”¹⁴

Hadis di atas menunjukkan bahawa sembahyang lima waktu yang diwajibkan merupakan salah satu daripada rukun Islam. Ia tidak boleh dipandang mudah, sama ada dari segi hukum kewajibannya ataupun beramal dengannya.

Hal ini demikian kerana, sembahyang merupakan salah satu bentuk seseorang hamba berhubung dengan Tuhan Pencipta dan Pemberi ni‘mat yang tidak terhingga kepadanya, bermula daripada permulaan kejadiannya sehinggalah seluruh kehidupan di alam dunia. Semuanya merupakan pemberian daripada Allah SWT, sebagaimana firman-Nya:

وَمَا آتَاكُم مِّنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِن تَعُدُّوا
نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا إِنَّا لِلْإِنسَانِ لَظَلُومٌ
كَفَّارٌ

¹⁴ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Zakah, No. 1458, daripada Ibn ‘Abbas.

“Dan Dia (Allah) telah mengurniakan kepada kamu apa sahaja yang kamu minta, dan jika kamu mengira akan segala ni‘mat Allah, nescaya kamu tidak dapat mengiranya. Sesungguhnya, manusia itu perangnya sangat zalim lagi ingkar.”

Surah Ibrahim: 34

Seterusnya, firman Allah SWT:

وَأِنْ تَعَدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

“Dan sekiranya kamu mengira ni‘mat Allah, nescaya kamu tidak dapat mengiranya. Sesungguhnya, Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

Surah al-Nahl: 18

Waktu sembahyang bagi menghadap Tuhan itu tidaklah panjang dan lama sehingga menjadi suatu bebanan yang sangat berat. Bahkan, waktu bagi menjalankan urusan kehidupan dan berehat adalah lebih panjang dan lama. Urusan sembahyang itu mudah sahaja, sedangkan urusan yang lain sebenarnya lebih payah dan lebih berat daripada urusan sembahyang.

Setelah diserahkan kewajipan sembahyang pada malam Isra' dan Mi'raj, Nabi Muhammad SAW menerima wahyu berkenaan sembahyang. Firman Allah SWT:

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَقَعُودًا
 وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ فَإِذَا اطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ
 الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

"Kemudian, apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian, apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman), maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya, sembahyang itu merupakan satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang beriman yang tertentu waktunya."

Surah al-Nisa': 103

Ayat di atas membawa maksud bahawa kewajipan sembahyang bukan sahaja perlu dilaksanakan dengan cara yang betul, tetapi juga hendaklah ditunaikan dalam waktu dan masa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sembahyang tidak boleh ditunaikan sebelum masuk waktunya atau setelah habis waktunya, melainkan kerana keuzuran dan kemudahan yang diberikan oleh syarak.

Ibadat sembahyang bukanlah perbuatan yang boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya. Akan tetapi, sembahyang perlu didirikan dengan mengikuti semua syarat, rukun, cara, dan adabnya. Seterusnya, Malaikat Jibril AS mengajar Rasulullah SAW akan kaifiat atau cara pelaksanaan sembahyang secara huraian mengikut waktu dan rakaatnya:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمَّنِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ عِنْدَ الْبَيْتِ مَرَّتَيْنِ، فَصَلَّى فِي الظُّهْرِ حِينَ زَالَتِ الشَّمْسُ، وَكَانَتْ قَدَرُ الشِّرَاكِ، وَصَلَّى فِي الْعَصْرِ حِينَ كَانَ ظِلُّهُ مِثْلَهُ، وَصَلَّى فِي -يَعْنِي- الْمَغْرِبِ حِينَ أَفْطَرَ الصَّائِمُ، وَصَلَّى فِي الْعِشَاءِ حِينَ غَابَ الشَّفَقُ، وَصَلَّى فِي الْفَجْرِ حِينَ حُرِّمَ الطَّعَامُ وَالشَّرَابُ عَلَى الصَّائِمِ.

Daripada Ibn 'Abbas RA, katanya: Rasulullah SAW telah bersabda, "Malaikat Jibril telah menjadi imam kepadaku ketika aku bersembahyang di sisi Kaabah sebanyak dua kali. Dia menunaikan sembahyang Zuhur bersamaku ketika gelincir matahari dengan kadar panjang tali kasut, dan dia juga menunaikan sembahyang Asar bersamaku selepas bayang telah sama panjangnya. Dan dia menunaikan sembahyang Maghrib bersamaku ketika waktu orang berbuka puasa, dan dia juga mengerjakan sembahyang Isyak bersamaku ketika hilangnya warna merah di langit, dan menunaikan sembahyang Fajar bersamaku ketika diharamkan makan minum kepada orang yang berpuasa.

فَلَمَّا كَانَ الْعَدُ صَلَّى فِي الظُّهْرِ حِينَ كَانَ ظِلُّهُ مِثْلَهُ، وَصَلَّى فِي الْعَصْرِ حِينَ كَانَ ظِلُّهُ مِثْلِيهِ، وَصَلَّى فِي الْمَغْرِبِ حِينَ أَفْطَرَ الصَّائِمُ، وَصَلَّى فِي الْعِشَاءِ إِلَى

ثَلُثِ اللَّيْلِ، وَصَلِّ بِي الْفَجْرِ فَأَسْفِرَ. ثُمَّ التَّفَتَ
إِلَيَّ فَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ، هَذَا وَقْتُ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِكَ،
وَالْوَقْتُ مَا بَيْنَ هَذَيْنِ الْوَقْتَيْنِ.

Manakala pada keesokan harinya, dia menunaikan sembahyang Zuhur bersamaku ketika bayang sama sepertinya, dan dia menunaikan sembahyang Asar bersamaku ketika bayang sudah berkali ganda panjangnya. Dan dia menunaikan sembahyang Maghrib bersamaku ketika orang sedang berbuka puasa, dan dia menunaikan sembahyang Isyak bersamaku ketika satu pertiga malam, dan menunaikan sembahyang Fajar bersamaku, selepasnya matahari kelihatan. Kemudian, dia berpaling kepadaku dan berkata, 'Wahai Muhammad! Inilah waktu para nabi sebelum kamu, dan masanya adalah antara dua waktu ini.'"¹⁵

Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang lain:

وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي.

"Dan sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersembahyang."¹⁶

¹⁵ Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Solah, No. 393, daripada Ibn 'Abbas.

¹⁶ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Azan, No. 631, daripada Malik bin al-Huwairith.

فقه الصلاة

FIQH SOLAT

Menyempurnakan Peribadi Muslim

SINOPSIS

'Fiqh Solat: Menyempurnakan Peribadi Muslim' merupakan senaskhah karya bertemakan syariat solat oleh Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Isi kandungan buku ini menekankan beberapa elemen utama seperti sejarah, fadilat, hikmah, dan kaifiat solat berdasarkan nas yang sahih daripada al-Quran dan hadis.

Pendekatan dalam penulisan ini boleh disifatkan telah menengahkan tiga nilai yang penting iaitu Fiqh al-Taysir (memberikan kemudahan dalam masalah cabang berpandukan nas), Fiqh al-Mazhab (meneguhkan pegangan bermazhab dalam perkara dasar), dan Fiqh al-'Ubuliyah (memahami dan berusaha mencapai kualiti terbaik dalam ibadat). Pengarang turut meneguhkan perbahasan berasaskan amalan masyarakat negara ini yang bermazhab al-Syafi'i, di samping menekankan keluasan pandangan mazhab lain yang muktabar dalam masalah yang memerlukan panduan dan penyelesaian.



Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, mantan Naib Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia (2018-2014). Memperoleh ijazah sanad daripada Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani pada tahun 1983. Istiqamah mengajar di Masjid Rusila, Marang sejak tahun 1976 dan pernah mengkhatamkan pengajian tafsir al-Quran 30 juzuk sebanyak dua kali.

SEM, MALAYSIA: RM 69
SABAH SARAWAK: RM 71

ISBN 978-967-2739-35-7



9 789672 739357



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y.A.Y.A.S.A.H
SERI HATI
PERDANA